

13 SEP 1997

PRESIDEN SRI LANKA DIJADUAL LAWAT MALAYSIA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Presiden Chandrika Bandaranaike Kumaratunga dari Sri Lanka akan melakukan lawatan rasmi ke Malaysia minggu depan atas undangan Yang di Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tinggi Sri Lanka di Kuala Lumpur hari ini, lawatan itu merupakan yang pertama oleh seorang pemimpin kerajaan Sri Lanka ke Malaysia sejak lawatan rasmi Perdana Menteri Dudley Senanayake pada 1967.

Presiden Kumaratunga akan disertai oleh menteri luarnya Lakshman Kadirgamar serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Semasa berada di Malaysia, Presiden Kumaratunga akan menghadap Yang di Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dan diraikan dalam satu majlis santapan negara.

Beliau juga dijadual berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan menyaksikan penandatanganan perjanjian antara kerajaan Sri Lanka dan Malaysia dan beberapa memorandum persefahaman antara lembaga pelaburan Sri Lanka (BOI) dan konglomerat sektor swasta Malaysia membabitkan beberapa projek pembangunan prasarana, perindustrian dan taman sains, pembesaran lapangan terbang dan kerjasama teknologi.

Lawatan Presiden Sri Lanka itu dijangka akan meningkatkan lagi hubungan ekonomi antara Sri Lanka dan Malaysia.

Jumlah eksport Sri Lanka ke Malaysia telah meningkat secara mendadak daripada AS\$6 juta (RM17.7 juta) dalam 1994 kepada AS\$27 juta (RM79.65 juta) dalam 1996 manakala pelaburan Malaysia di Sri Lanka melonjak sebanyak 66 peratus dalam tempoh dua tahun lepas. -- BERNAMA

DAB SIA